

Tahsin Al-Quran di Universiti Teknologi MARA (Pahang): Persepsi dan Prestasi Positif

Ibrahim Mohd Sobki^{1*}, Sharifah Norhuda Syed Wahid², Yusharina Yusof³, Aiza Budin⁴

^{1,4}Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
ibrahim_sobki@pahang.uitm.edu.my, aiza_budin@pahang.uitm.edu.my

^{2,3}Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
sha_norhuda@pahang.uitm.edu.my, yusharina@pahang.uitm.edu.my

* Penulis Rujukan

Abstrak: Al-Quran merupakan sebuah kitab suci yang diturunkan oleh Allah S.W.T sebagai pegangan kepada umat Islam yang memberi sinar hidayah dan juga panduan dalam kehidupan seseorang Muslim sejati. Membaca al-Quran merupakan satu ibadah yang amat dituntut dalam ajaran Islam. Membacanya menjadi lebih bermakna apabila seseorang Muslim bukan sekadar membacanya dengan tajwid dan sebutan yang betul, tetapi turut mengetahui maksud bagi setiap apa yang dibacanya. Kajian awal di kalangan staf Universiti Teknologi MARA, UiTM (Pahang) mendapati kebanyakan mereka kurang mengetahui bacaan al-Quran dengan tajwid yang betul, juga tidak mendalami terjemahan setiap bacaan. Sehubungan dengan itu, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, ACIS UiTM (Pahang) telah mengambil inisiatif dengan mengadakan kelas tahsin al-Quran pada setiap Jumaat bermula Januari 2014 khusus kepada staf UiTM (Pahang). Setelah lebih dua tahun beroperasi, sambutan yang diberi amat menggalakkan. Hasil daripada pemantauan dan analisis yang telah dibuat, kebanyakan staf menunjukkan prestasi positif dari segi bacaan dengan tajwid dan sebutan yang betul. Ke kerapannya menghadiri kelas ini dengan kehadiran sekurang-kurangnya dua kali sebulan menunjukkan staf tersebut lebih cepat fasih bacaannya dan lebih memahami setiap bacaannya. Persepsi positif juga dilihat melalui peningkatan tahap bacaan yang betul dalam kalangan staf dan ini telah memberikan impak bermakna buat ACIS khususnya dan UiTM (Pahang) amnya.

Kata Kunci: Al-Quran, Persepsi, Positif, Prestasi, Tahsin

1. Pengenalan

Tahsin al-Quran adalah salah satu kaedah atau cara untuk memperbaiki atau memperelokkan bacaan al-Quran secara berguru. Dalam penggunaan istilah yang telah digunakan, ada di kalangan masyarakat menggunakan istilah “tahsin al-Qira’ah”, “tahsinul Quran” dan pelbagai istilah lagi. Namun, matlamat kaedah ini adalah sama sahaja iaitu untuk memperbaiki serta memperbetul bacaan al-Quran dengan lebih tepat dan betul (bertajwid). Seterusnya, menurut Dahlan (2013) mempelajari al-Quran secara bertajwid merupakan suatu kewajipan kepada kita sebagai Muslim kerana hukum membaca al-Quran tanpa tajwid adalah berdosa.

Pelbagai cara dan juga kaedah yang digunakan dalam mempelajari al-Quran. Ia terpulung kepada guru dan pembimbing dalam menggunakannya sama ada secara bertalaqqi, atau mendengar sahaja, atau mengajar sahaja. Namun, didapati kaedah yang paling baik adalah melalui kaedah bertalaqqi secara langsung dengan guru. Ini bermaksud murid mengikut apa yang disebut oleh guru, kemudian guru akan mendengar semula apa yang disebut oleh murid dan memperbetul jika ada kesilapan.

2. Al-Quran dan Kepentingannya

Al-Quran adalah mukjizat yang tidak ternilai harganya yang diturunkan Allah kepada Rasulullah S.A.W sebagai panduan hidup sekalian umat manusia. Alias (2009) menjelaskan

bahawa Baginda S.A.W pun menyuruh para sahabat supaya meluangkan masa untuk membaca dan memahami al-Quran. Sebagai hamba Yang Maha Esa, menjadi kewajipan ke atas kita untuk mempelajari al-Quran dengan bacaan yang betul mengikut tajwid. Kita juga seharusnya memiliki kemampuan untuk membaca dan memahaminya dengan baik bagi menghayati isi kandungan al-Quran serta beramal dengannya. Ini kerana seperti dijelaskan oleh al-Bugho dan Misto (2004) al-Quran adalah manhaj atau panduan terbaik kepada Muslim dan al-Quran memberi manfaat kepada pembaca dan pengamalnya. Sebaliknya, al-Quran juga boleh menjadi hujjah untuk mendakwa si pembaca pada hari Qiamat sekiranya ia tidak beramal dengan isi kandungannya. (al Ghazali, 2000)

Allah S.W.T telah menjelaskan kepada Muslim tentang kepentingan mempelajari al-Quran melalui firmanNya dalam Tafsir Pimpinan Ar Rahman (2000) "Bacalah al-Quran itu dengan tartil (bertajwid)" surah al-Muzzammil (73: 4). Firman Allah S.W.T lagi, maksudnya "Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendakkan cepat menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadamu menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu) dan menetapkan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu". Surah al-Qiyamah (75: 16-18).

Rasulullah S.A.W sendiri menitikberatkan pembelajaran al-Quran dan menguasainya serta mengajarkan kepada orang lain. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud "Sebaik-baik di antara kamu adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya kepada orang lain (riwayat al Bukhari)". Manakala dalam riwayat Muslim Rasulullah S.A.W bersabda "Baca lah al-Quran kerana ia akan datang pada hari Akhirat kelak sebagai pemberi syafaat kepada tuannya".

Kajian Taifor (2007) menunjukkan bahawa 97.2% respondennya bersetuju bahawa setiap orang Islam wajib mempelajari hukum tajwid dalam membaca al Quran.

3. Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik mensasarkan matlamat kajian untuk melihat keterlibatan staf UiTM (Pahang) dalam menyertai kelas tahsin al-Quran yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Program ini telah dianjurkan bermula pada bulan Januari 2014, setiap hari Jumaat dan terbuka kepada seluruh staf UiTM (Pahang). Staf yang menghadiri kelas tersebut terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian akademik dan bahagian pentadbiran.

Pendekatan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas tersebut telah diambilkira di dalam kajian ini yang dapat dirumuskan keberkesanannya melalui pengedaran borang soal selidik. Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya (Konting, 1994; Abdul Latiff dan Yaacob, n.d). Borang soal selidik tersebut diedarkan khusus kepada staf yang menghadiri kelas tahsin yang terbahagi kepada dua bahagian; Bahagian A: latar belakang responden dan Bahagian B: penilaian berdasarkan kemampuan serta kesan daripada kelas tersebut.

Ujian kenormalan data digunakan dalam analisis kajian ini bagi mengetahui bentuk taburan data. Seterusnya data akan dianalisis menggunakan analisis diskriptif dan ujian-t berpasangan menggunakan perisian SPSS 20.0. Ujian-t berpasangan dilakukan bagi menguji hipotesis kajian ini seperti berikut,

H_0 : Tiada perbezaan dari segi bacaan, tajwid dan juga terjemahan sebelum dan selepas mengikuti kelas tahsin.

H_1 : Ada perbezaan dari segi bacaan, tajwid dan juga terjemahan sebelum dan selepas mengikuti kelas tahsin.

4. Keputusan dan Perbincangan

Secara keseluruhannya 33 responden yang terdiri dari 11 lelaki (33.33%) dan 22 wanita (66.67%) terlibat dalam kajian ini yang berumur di antara 27 sehingga 55 tahun. Majoriti responden (27, 81.82%) merupakan staf dari bahagian akademik dan selebihnya adalah bahagian pentadbiran. Seterusnya jika dibuat perbandingan berdasarkan aliran persekolahan di peringkat menengah, didapati 19 (57.58%) responden merupakan lepasan sekolah aliran agama, manakala berdasarkan kepada keputusan subjek Pendidikan Islam, didapati 18 (54.55%) responden telah mendapat gred A dalam subjek tersebut.

Secara keseluruhannya keseluruhan responden telah menyatakan perasaan suka menghadiri kelas tahsin dengan 14 (42.42%) sangat suka menghadiri kelas tersebut. Seterusnya ujian kenormalan data telah dilakukan dan dapatan yang diperolehi adalah data tertabur secara normal dengan nilai-p yang diperolehi adalah melebihi dari tahap signifikan ($\alpha = .05$). Jadual 1 berikut bahawa ujian-t berpasangan yang dilakukan menunjukkan keputusan yang signifikan, $t(32) = -4.760$, $p = 0.000$, 95% tahap keyakinan [-2.1166, -0.8480]. Nilai-p kurang dari tahap signifikan ($\alpha = .05$), menyokong bahawa adanya bukti untuk menolak H_0 dengan menyatakan bahawa ada perbezaan dari segi bacaan, tajwid dan juga terjemahan sebelum dan selepas mengikuti kelas tahsin.

Jadual 1. Ujian-t Berpasangan Sebelum dan Selepas Mengikuti Kelas Tahsin

Pasangan	Nilai -p	Beza Min	Sisihan Piawai Min	95% Tahap Keyakinan Perbezaan	
				Bawahan	Atasan
Sebelum ~ Selepas	.000	-1.4823	0.3114	-2.1166	-.8480

Kesinambungan daripada dapatan ini, keputusan menunjukkan bahawa bacaan, tajwid dan juga terjemahan al-Quran adalah lebih baik selepas mengikuti kelas tahsin berbanding sebelumnya.

5. Kesimpulan dan Cadangan

Hakikat yang diketahui sekalian umat adalah al-Quran merupakan mukjizat yang menjadi pegangan dan panduan hidup umat Islam keseluruhannya. Namun, penghayatan al-Quran yang tepat adalah perlu bagi memastikan al-Quran difahami bukan sahaja terjemahannya, juga perlu dibaca dengan tajwid yang betul. Hasbullah (2014) menegaskan bahawa ilmu al-Quran adalah ilmu yang sangat mulia di sisi Allah dan mengetahui cara membaca al-Quran dengan bertajwid adalah salah satu cara yang patut dipraktikkan sepanjang masa. Pendekatan yang dilakukan oleh ACIS UiTM (Pahang) sememangnya memberikan persepsi dan impak positif di mana melalui kelas tahsin yang dianjurkan, kelas tersebut telah membantu staf UiTM (Pahang) khususnya dari segi bacaan yang lebih baik dengan tajwid yang betul.

Melalui soal selidik yang telah diedarkan, responden bersetuju supaya usaha murni ini diteruskan dengan menganjurkan kelas tersebut lebih dari sekali seminggu. Pemilihan waktu juga perlu lebih baik memandangkan ramai di kalangan staf akademik khususnya tidak dapat hadir ke kelas tersebut pada waktu semasa memandangkan ada kekangan kelas. Cadangan kajian akan datang adalah dengan memfokuskan kepada prestasi staf dalam bacaan al-Quran yang akan dilakukan secara berkala mengikut satu tempoh masa tertentu.

6. Rujukan

Abdul Latiff, M. A & Yaacob, F. N. (n.d). Diakses pada 30 Ogos 2015. *Persepsi Pelajar Terhadap Program Membudayakan Al-Quran dalam Meningkatkan Tahap Keupayaan*

- Pembacaan Al-Quran Mengikut Hukum Tajwid. Satu Kajian Di SMK Dato Bentara Luar.* Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Alias, J. (2009). *Amalan dan Ibadah Sehari-hari.* Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Al-Bugho, M., & Misto, M. (2004). *Syarah Hadis 40 Imam Nawawi.* Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2000). *Ihya' Ulum ad Din.* Mesir: Darul Taqwa.
- Basamieh, Syeikh Abdullah. (2000). *Tafsir Pimpinan Ar Rahman kepada Pengertian Al-Quran (30juz),* Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Dahlan, M. (2013). *Tajwid Ilmi dan Amali.* Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Hasbullah, M. R. (2014). *Ar Ruh Al Amin, Resam Uthmani.* Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Konting, M. M. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taifor @ Taipur, M. F. (2007). *Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Hukum Tajwid dalam Pembelajaran al-Quran di Sekolah Rendah Agama Kampong Jawa, Klang, Selangor.* Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda.